***Jenis Akhbar : Kosmo***
***Tarikh : 28/01/2019***
***Edisi / Muka Surat : Nasional 12***
***Tajuk : Kaji Semula Definisi IKS***

# Kaji semula definisi IKS

KOSMO 28/1/2019 MS 12

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**PETALING JAYA** – Definisi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) wajar dikaji semula oleh kerajaan dengan memasukkan sektor koperasi sebagai salah satu sektor yang diambil kira sebagai IKS.



ABDUL FATTAH

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi di Malaysia tidak boleh mendapatkan peruntukan yang disediakan untuk IKS kerana tidak diiktiraf.

"Peruntukan untuk pembangunan IKS dalam Bajet 2019 ialah sebanyak RM17.94 bilion manakala untuk sektor koperasi hanyalah RM50 juta.

"Selain itu, hanya tiga agensi yang memberikan bantuan kepada sektor koperasi iaitu Koperasi Bank Pertama Malaysia Berhad, Bank Rakyat dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)," katanya ketika ditemui selepas hadir Kejohanan Bowling Koperasi Jaya Malaysia Berhad di Sunway Pyramid di sini semalam.

IKS merujuk kepada entiti perniagaan tulen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pihak berkuasa atau pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun bagi pembekal perkhidmatan profesional.

Mengulas lanjut katanya, langkah itu dibuat bagi membolehkan sektor koperasi mencapai sasaran perolehan RM55 bilion menjelang 2020 seperti diumumkan oleh Menteri Pembangunan Keusahawanan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof baru-baru ini.

Tambahnya, kerajaan antara lain boleh menggubal beberapa akta berkaitan bagi memudahkan sektor koperasi berkembang.

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA